

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7521**

**SOALAN:**

Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengadakan kaunter khas untuk Orang Kurang Upaya, Warga Emas dan Ibu Hamil di kaunter pemeriksaan pejalan kaki/ penumpang bas di laluan imigresen Johor Bahru.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Setakat ini Kementerian tiada cadangan untuk mengadakan kaunter khas untuk Orang Kurang Upaya, Warga Emas dan Ibu Hamil di kaunter pemeriksaan pejalan kaki/ penumpang bas di laluan imigresen Johor Bahru.**

**Ini kerana cadangan laluan tersebut dilihat kurang diperlukan memandangkan pelawat yang menaiki bas terpaksa berjalan kaki pada jarak yang agak jauh sebelum dan selepas pemeriksaan Imigresen.**

**Pelawat Orang Kurang Upaya, Warga Emas dan Ibu Hamil di kaunter pemeriksaan pejalan kaki/ penumpang bas di laluan imigresen Johor Bahru lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan keretapi untuk keselesaan kerana mereka tidak perlu berjalan jauh memandangkan jaraknya adalah lebih dekat.**